



KOLEJ KOMUNITI LEDANG
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
KM5 Jalan Payamas
84900 Tangkak
JOHOR DARUL TA'ZIM
MALAYSIA



Tel: 606-9789295 / 606-9789834
Faks: 606-9791682
Laman Web: www.kklej.edu.my
E-mel: admin.kklj@kklej.edu.my

Ruj. Kami KKLEJ/600-1/5 Jld.4 (54)
Tarikh 28 Disember 2020

Semua Pelajar Sijil Kolej Komuniti di Kolej Komuniti Ledang Semester 1, 2 & 3 (kecuali pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan)

Saudara/i,

LAPOR DIRI PELAJAR SIJIL KOLEJ KOMUNITI LEDANG, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI BAGI SEMESTER 1, 2 DAN 3 SESI JUN 2020

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pelaksanaan kerja praktikal dan amali bersemuka Sesi Jun 2020 bagi pelajar-pelajar Sijil Kolej Komuniti Ledang semester 1, 2 & 3 akan dijalankan bermula **03 Januari 2021 hingga 11 Februari 2021** mengikut jadual waktu yang boleh dimuat turun di laman sesawang http://pengambilan.kklej.edu.my/jadual_waktu.html pada 31 Disember 2020.

3. Bagi pelajar yang tiada penempatan sepanjang tempoh ini, pelajar hendaklah mengisi maklumat di pautan berikut <https://bit.ly/37T2BWH> bagi memudahkan pihak kolej mengambil tindakan tentang perkara ini.

4. Sebagai langkah pencegahan, mana-mana pelajar yang mempunyai symptom/ *Person Under Investigation* (PUI) terkena jangkitan Covid-19 atau berada di kawasan PKPD dan telah merujuk kepada Kementerian Kesihatan Malaysia **HENDAKLAH MENANGGUHKAN LAPOR DIRI** ini. Pelajar perlu melaporkan status kesihatan kepada Penasihat Akademik untuk tindakan selanjutnya.

Perhatian dan kerjasama dari pihak saudara/i dalam hal di atas adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MD NOR ABDUL HALIM)

Pengarah
Kolej Komuniti Ledang
Kementerian Pengajian Tinggi